



RASMI ...  
Kamaruzaman  
memalu gong  
sebagai tanda  
perasmian  
seminar itu.

Turut  
kelihatan  
Mohd  
Faizuddin (kiri  
sekali), Johan  
(dua dari kiri)  
dan Rukiah.



MENARIK ... Kamaruzaman (tengah) melawat pameran pada majlis itu, turut kelihatan.  
Mohd Faizuddin (kanan) dan Johan (tiga dari kanan).

# Masih banyak penyelidikan dan reka cipta UMS belum dipaten: Dr Kamaruzaman

NST 13.04.2012 //

OLEH MARRYAN RAZAN  
(marryan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampang berkata, masih banyak hasil penyelidikan dan reka cipta universiti itu belum dipatenkan.

Beliau berkata, tahun lalu sahaja kualiti penyelidikan dan reka cipta ahli akademik UMS telah menerima 41 pingat iaitu 11 anugerah pingat emas, 13 perak dan 17 gangsa dalam Pertandingan Pameran dan Rekabentuk di dalam dan luar negara.

"Kita melakukan banyak kajian dan penyelidikan (R&D) di UMS, jadi apa-apa penemuan yang kita boleh komersialkan mestilah dijaga memandangkan ia mampu menjana pendapatan kepada universiti sekiranya dikomersilkan kelebihan."

"Tetapi bukan semua penemuan yang kita patenkan itu menghasilkan pulangan yang baik... sebab ada yang tidak boleh dikomersilkan tetapi kalau dipatenkan juga, mungkin kita

boleh kembangkannya pada masa akan datang.

"Oleh itu saya membuat teguran kepada mereka (penyelidik) supaya terus melaksanakan perlindungan terhadap setiap hasil penyelidikan dan rekabentuk kerana kita tidak mahu ada pihak yang akan mengambil dan patenkan penemuan itu.. sekiranya ia berlaku, ini merugikan kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pembenaran merasmikan Seminar Kesedaran Harta Intelek Peringkat Negeri di Dewan Kuliah 1, UMS, di sini, kelmarin.

Seminar itu adalah anjuran bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), UMS, dan Yayasan Sabah.

Turut hadir, Pengarah Kanan Bahagian Rekabentuk dan Perindustrian Perbadanan Harta Intelek Malaysia Mohd Faizuddin Mohd Shariffi, Timbalan Pengarah Yayasan Sabah Datuk Dr. Johan Ariffin A.Samad dan Ketua Pustakawan UMS merangkap Pengurus Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah Dg.Rukiah Ag.Amit.

Terdahulu itu ketika berucap Kamaruzaman mengakui bahawa kesedaran mengenai ke-

pentingan harta intelek masih belum meluas di negeri ini.

"Ada yang beranggapan bahawa isu harta intelek bukan satu masalah yang penting dan tidak memberi apa-apa kesan terhadap organisasi.

"Terdapat juga segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab dengan sewenang-wenangnya mencuri hak cipta orang lain dan mengaut keuntungan tanpa menghormati penciptaan," katanya.

Beliau berkata, isu utama yang sinonim dengan masyarakat terhadap pelanggaran harta intelek ialah penjualan barang-barang tiruan dan cetak rompak.

"Perkara ini sering berlaku seperti tidak ada penamatnya, walaupun pelbagai penyuatuasaan telah dilaksanakan pihak yang bertanggungjawab.

"Oleh itu saya berharap seminar seumpama ini dapat memberi kesedaran dan kepentingan perlindungan harta intelek dalam kalangan masyarakat," katanya.

Kamaruzaman berkata, harta intelek merupakan aset ekonomi berharga bagi sesebuah

negara kerana penghasilan satu harta intelek yang berkualiti memerlukan daya kreativiti dan inovasi yang tinggi.

"Secara umumnya harta intelek boleh wujud dari pelbagai bentuk seperti idea, karya fiksyen, puisi, lagu, reka bentuk dan hasil seni, nama produk, formula kimia, mesin serta perisian komputer.

"Setiap hasil penyelidikan yang boleh dikomersilkan dapat menjana kewangan kepada organisasi malah akan menguntungkan negara di samping meningkatkan imej serta mengiktiraf nama negara di mata dunia," katanya.

Beliau berkata, UMS mempunyai Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) yang bertanggungjawab menambah dan memperkuatkannya sistem pentadbiran penyelidikan dan inovasi

sedaya dengan memperbaiki produktiviti dengan lebih efisien selain membantu dalam penghasilan keputusan dan penyelidikan yang berkualiti.

"Universiti bukan sahaja satu pusat untuk melahirkan modal insan cemerlang tetapi juga menjadi pusat menghasilkan harta intelek yang berkualiti," katanya.